

Selesema burung: Kita sokong dana bantu negara miskin

BUSAN 18 Nov. - Malaysia menyokong cadangan supaya diwujudkan sebuah dana untuk membantu negara-negara miskin yang dilanda wabak selesema burung, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Menurut beliau, dana itu, yang dicadangkan pengwujudannya melalui sumbangan kewangan dari negara-negara maju, diyakini dapat mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh negara-negara miskin yang terjejas teruk akibat serangan wabak selesema burung.

"Melalui dana ini, mereka yang terpaksa menghapuskan burung atau ayam akibat serangan virus penyakit itu boleh mendapatkan pampasan," jelas beliau dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Cadangan terhadap pengwujudan dana itu telah dibuat oleh Perdana Menteri Kanada, Paul Martin ketika ketua-ketua negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) menghadiri mesyuarat dengan Majlis Penasihat Ekonomi APEC atau ABAC di sini hari ini.

Dalam pertemuan pemimpin-pemimpin negara ASEAN yang menyertai APEC dengan Amerika Syarikat (AS) yang dilangsungkan pada sebelah pagi, Abdullah berkata, mereka berbincang mengenai apa yang boleh dilakukan oleh negara-negara ASEAN untuk memastikan kejayaan mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Hong Kong bulan depan.

Abdullah bersama enam lagi pemimpin ASEAN mengadakan mesyuarat itu dengan Presiden AS, George W. Bush selama satu jam di Westin Chosun Hotel, tempat penginapan Bush sepanjang sidang kemuncak APEC.

Menurut Perdana Menteri, perbincangan turut menyentuh isu selesema burung yang kini menjadi satu ancaman baru dunia.

Mesyuarat itu telah mencapai satu persepahaman agar kerjasama dalam bidang pertukaran maklumat dipertingkatkan supaya tindakan menanganinya boleh dilakukan segera untuk memastikan ia tidak me-



ABDULLAH Ahmad Badawi berjabat tangan dengan Tran Due Luong sambil diperhatikan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar sebelum mengadakan perbincangan dua hala ketika menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Hotel Paradise, Busan, Korea Selatan, semalam. - Gambar Bernama

rebak.

"Antara lain terdapat juga cadangan supaya pergerakan manusia dihadkan atau dilarang sama sekali ketika wabak ini menyerang dan ini adalah sebagai salah satu usaha mengawal penyakit ini daripada me-

rebak.

"Pelaksanaannya memerlukan persepahaman daripada kalangan para pemimpin ASEAN dan cadangan ini akan dibawa dalam sidang kemuncak ASEAN yang akan diadakan di Kuala Lumpur bulan depan,"

jelas beliau.

Mengenai pertemuan beliau dengan Presiden Vietnam, Tran Due Luong, Abdullah berkata, pemimpin terbabit meminta supaya Malaysia menyokong permohonan negara itu untuk menyertai WTO. - *Utusan*